

24/11/1999

14 lagi badan majoriti senyap sokong BN (HL)

i; Haslinda Sulong

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebanyak 14 lagi pertubuhan mewakili golongan majoriti senyap dengan lebih 500,000 ahli di seluruh negara, hari ini menyatakan sokongan padu kepada Barisan Nasional (BN).

Pertubuhan itu mengajak ahli mereka keluar mengundi beramai-ramai bagi memastikan kesinambungan kerajaan BN yang membawa banyak kemakmuran kepada rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Antara pertubuhan itu ialah Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) yang mempunyai 250,000 ahli; Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM-75,000 ahli); Pertubuhan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (100,000 ahli); dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat-80,000 ahli).

Semalam wakil daripada Majlis Gurdwara Malaysia, Persatuan Belia Sikh dan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) mewakili 350,000 ahli mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya bagi menyatakan sokongan yang sama.

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri menyifatkan sokongan padu golongan majoriti senyap itu penting untuk memastikan kemenangan terbesar dalam sejarah BN dalam pilihan raya umum ini.

Presiden Persatuan Bekas Polis Malaysia, Mansor Mohd Jaafar, ketika dihubungi hari ini berkata, ahli persatuan itu tidak harus menggadai maruah perjuangan ketika berkhidmat sebagai anggota polis dahulu, dengan menyokong pembangkang.

"Ketika berkhidmat dulu kita mendokong prinsip kerajaan memerintah dan membantu menjaga ketenteraman negara daripada sebarang ancaman dari dalam serta luar negara.

"Takkan selepas tinggal perkhidmatan, kita hendak menentang kerajaan yang dipertahankan selama ini," katanya hari ini ketika mengulas kenyataan Dr Mahathir supaya rakyat keluar beramai-ramai mengundi Isnin ini.

Mansor berkata, beliau sedang berusaha membawa seramai mungkin pemimpin persatuan itu dari seluruh negara menemui Perdana Menteri bagi menyatakan sokongan terbuka.

Di SEREMBAN, Presiden Kimma, Sikandar Batcha, berikrar untuk memastikan kira-kira 350,000 pengundi India Muslim di negara ini, mengundi BN.

Katanya, sebahagian besar pengundi terbabit berada di Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan serta Negeri Sembilan dan beliau yakin mereka akan memberikan undi kepada calon BN.

"Seramai 250,000 ahli atau penyokong Kimma, kebanyakannya peniaga kecil dan sederhana sejak dulu memang memberikan sokongan kepada kerajaan.

"Malah ada antara mereka yang mencapai kejayaan besar dalam bidang perniagaan. Kejayaan ini tentulah dengan bantuan kerajaan dari segi menyediakan tempat dan lesen perniagaan," katanya.

Di JOHOR, Pengerusi Pertubuhan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) meminta kira-kira 100,000 ahlinya keluar beramai-ramai mengundi pada pilihan raya kali ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Ahmad Arshad berkata, sikap 'tunggu dan lihat' sepatutnya tidak diamalkan kerana sebagai warganegara, mereka perlu menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Di IPOH, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu (PPPKM) Daerah Kinta, Mansor Johor, mengajak lebih 3,000 ahlinya menggunakan undi mereka sebaik-baiknya.

Katanya, golongan majoriti senyap itu yang selama ini agak sibuk dengan urusan perniagaan masing-masing, harus menunaikan tanggungjawab mereka

Isnin ini.

Di KUCHING, Nekmat, yang mempunyai 80,000 ahli di seluruh negara, menggesa persatuan peringkat negeri melaksanakan tanggungjawab mereka.

Pengerusinya, Jemali Basri berkata, pihaknya akan memberi penerangan dan nasihat kepada setiap ahli akan tanggung jawab mereka dalam menentukan kesinambungan kerajaan sekarang.

Kesatuan Guru Sarawak (STU) yang mempunyai keahlian 14,155 orang akan mengambil langkah perlu bagi memastikan semua ahlinya keluar mengundi Isnin ini.

Persatuan Kebangsaan Orang Ulu (OUNA) yang mempunyai keahlian 5,000 orang pula akan mengadakan sesi penerangan di semua cawangannya, bagi menggalakkan ahlinya melaksanakan tanggungjawab sebagai pemilih, Isnin ini.

Presidennya, Abu Bakar Abdullah berkata, sebelum ini kesatuan itu sudah bergerak dan akan mempertingkatkan lagi usaha untuk memastikan semua ahli berdaftar memberi kemenangan besar kepada kerajaan BN.

Di KUANTAN, Majlis Belia Negeri Pahang (MBNP) akan membantu menarik majoriti senyap keluar mengundi beramai-ramai.

Timbalan Presiden MBNP, Datuk Faizal Abdullah berkata, pihaknya sedang memantau beberapa pertubuhan yang mewakili golongan itu.

"Sebenarnya, kita sudah bersiap sedia lebih awal untuk menunjukkan tanda sokongan kepada BN dengan mengarahkan ahli keluar mengundi beramai-ramai," katanya.

Di KOTA BHARU, lebih 12,000 masyarakat Thai di negeri ini, menyatakan sokongan padu kepada BN kerana yakin hanya parti itu mampu mengekalkan kestabilan politik, khususnya dalam menjamin kepentingan kaum berkenaan.

Pengerusi Persatuan Masyarakat Thai Kelantan, Eh Chot a/l Cha Chan berkata, masyarakat itu tidak pernah melupakan pelbagai jasa dan nikmat yang diperolehi di bawah pemerintahan kerajaan BN.

"Lebih 5,000 masyarakat Thai yang layak mengundi di negeri ini tidak mempunyai sebab untuk memberi undi kepada Pas," katanya.

Pertubuhan Wanita Inovatif Jaya Diri (WIJADI) cawangan Kelantan pula tidak melarang ahlinya berganding bahu dengan mana-mana parti politik di negeri itu asalkan tidak menggunakan pertubuhan sebagai pengkalan untuk beroperasi.

Pengarah Urusan merangkap Koordinator Program Wijadi, Lin Zainun Che Mahmud berkata, Wijadi dianggotai kira-kira 1,700 ahli berdaftar yang terdiri daripada ibu tunggal kebanyakannya mempunyai fahaman politik yang berlainan.

Di KUALA TERENGGANU, cawangan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Majlis Belia Negeri dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) memberi jaminan akan membantu kemenangan calon BN.

Yang Dipertua DPMM Terengganu, Wan Mohd Albakri Wan Md Noor berkata, kebanyakan ahli DPMM bergiat cergas dalam politik dan menjadi penyokong kuat BN.

(END)